

Bendera2 ra'ayat dan pengiran akan di-hapuskan

RUPA BAHARU BENDERA2 BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Bendera2 yang terpakai di-Negeri Brunei akan di-kurangkan jumlah-nya mulai tarikh perlembagaan baharu di-kuatkuasakan, demikian di-putuskan oleh Majlis Meshuarat Adat Istiadat Negeri Brunei.

Majlis itu dalam persidangan-nya pada 3 August telah menetapkan bahawa Bendera Negeri Brunei ada-lah memakai warna kuning, puteh, hitam dan kuning seperti bentok sekarang tetapi mengandongi Panji2 yang bertungkat ajai warna merah di-tengah2.

Dari tarikh perlembagaan itu di-kuatkuasakan bendera2 yang di-gunakan oleh ra'ayat hanyalah bendera Negara Brunei sahaja.

Bendera2 ra'ayat dan peranakan Raja2 tidak boleh di-gunakan tetapi Pengiran2 yang tersebut di-bawah ini akan terus memakai bendera masing2 dengan tambahan panji2 bertungkat ajai berwarna merah dan tanah kuning di-penjuru sa-belah atas :

- (a) anak2 Sultan sampai kapada antah Sultan;
- (b) anak2 Wazir, chuchu dan piut Wazir; dan

SAMBUTAN HARI JADI DI-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia mungkin di-sambut bagi kali pertama-nya di-Persekutuan Tanah Melayu oleh penuntut2 Brunei pada 23 September hadapan ini.

Lebih kurang 50 orang penuntut2 Brunei di-Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura telah memohonkan kebenaran bagi mengadakan satu majlis sambutan di-Kuala Lumpur kerana memuja ulang tahun hari keputeraan bagindayang ke-43.

Penuntut2 itu berchadang hendak menjemput pembesar2 Persekutuan termasuk Perdana Menteri. Dato Abdul Razak bin Hussin, menghadhiri majlis tersebut.

(c) anak2 cheteria dan chuchu cheteria.

Lain2 pengiran akan menggunakan bendera Negara Brunei ia-itu sama-lah seperti ra'ayat.

Bendera pengiran yang berwarna biru bertepikan kuning di-bawah dan di-atas tidak lagi boleh di-gunakan. Demikian juga bendera ra'ayat yang berwarna kuning dan merah itu di-larang menggunakan-nya apabila perlembagaan itu di-kuatkuasakan kelak.

Bendera Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri akan juga di-ubah bentok-nya.

Duli Yang Maha Mulia akan memakai warna kuning dan panji2 yang berkuching emas dan warna merah di-tengah2-nya. Warna bendera Raja Isteri pula kuning muda perpanji2 kuching emas warna merah.

Duli2 Wazir akan memakai bendera masing2 mengikut taraf tetapi berpanji2 bertungkat ajai warna merah di-tengah2-nya.

Cheteria2 dan Menteri2 hingga kapada Damong akan menggunakan bendera masing2 tetapi berpanji2 bertungkat ajai warna merah di-dalam persegi bertanah kuning di-penjuru sa-belah atas.

LUKISAN WAJAH DYMM UNTOK DEWAN MAJLIS MESHUARAT



SERIA. — Sa-orang jurulukis perempuan, Puan Irene Heath dari Chelsea, London, telah tiba di-sini baharu2 ini untuk melukis wajah Duli Yang Maha Mulia.

Puan Heath datang ka-Brunei dengan jemputan dan perbelanjaan sharikat minyak Brunei Shell Petroleum Company kerana menjalankan tugas itu.

Gambar itu apabila siap kelak akan menghiasi dewan Majlis Meshuarat Kerajaan.

Puan Heath ia-lah sa-orang jurulukis yang telah melukis wajah beberapa orang pembesar dunia. Ia pernah pergi ka-Amerika Shariat kerana melukis di-sana.

Puan Heath berada di-Singapura pada penghujung perang dunia kedua dan telah juga melawat ka-beberapa buah negeri di-Timor Jauh. Sa-lain dari melukis Puan Heath ia-lah juga sa-orang wartawan dan pengarang buku2 kesukaan kanak2.

Gambar di-atas menunjukkan Puan Heath sedang melukis wajah Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana, Bandar Brunei.

MAKANAN BERACHUN DI-GERAI PASAR

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah gerai makan di-pasar Bandar Brunei telah di-perentahkan supaya di-tutup untok sementara waktu kerana di-shakii menghidangkan barang2 makanam yang berachun.

Beberapa orang yang makan di-gerai itu telah terkena bisa makanan dan sakit sa-telah makan di-gerai tersebut. Mereka telah di-rawat di rumah sakit.

Sa-orang juruchapak Pejabat Kesihatan Brunei berkata pada mula2-nya penyakit itu di-shakkan di-sebabkan oleh rachun dari tin2 lama yang di-gunakan oleh gerai itu bagi menyimpan minyak makan yang di-gunakan-nya.

Tetapi kejadian itu terus berlaku walau pun gerai itu menggunakan minyak dari tin2 baharu.

“Untok menentukan dari manakah makanan berachun itu datang gerai itu telah di-tutup dan siasatan di-jalankan”, kata juruchapak itu lagi.

Sa-hingga ini lebih kurang 40 orang telah di-ketahui termakan makanan yang berachun itu.

Bagi mengetahui bilangan yang sa-benarnya orang2 yang termakan makanan berachun di-gerai itu, Pejabat Kesihatan meminta orang2 yang berkenaan menyatakan kapada Pegawai Kesihatan, Bandar Brunei, tarikh mereka mendapat sakit.

Tanda2 sakit makan makanan berachun itu biasa-nya demam, muntah dan bisa dalam perut.

Pengelola banchi penduduk2 Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tuan Patrick McAfee telah di-lantek menjadi Pengelola Banchi, Negeri Brunei mulai 1 August, 1959. Banchi atas penduduk2 negeri ini akan di-jalankan dalam bulan hadapan.

Tuan McAfee ia-lah sa-orang pegawai kanan dalam Perkhidmatan Pertadbiran Brunei.

Murid2 lelaki dan perempuan di-padang sukan

Peraduan senaman dan permainan yang di-adakan pada tiap2 tahun bagi sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei ada-lah antara tema-sha yang memberi peluang kepada ibu bapa menyaksikan dan meli-hat kecekapan anak2 merdeka dalam lapangan sukan.

Tujuan utama mengadakan peraduan senaman dan permainan ini ada-lah menggalakkan anak2 supaya giat dan mempunyai se-mangat dalam lapngn sukan, semangat ingin menchapai kemajuan kemenangan dan memimpin mereka dalam perchamporan dan ber-lawan menchari kemenangan sa-chara gentel.



Satu pemandangan dalam sukan senaman dan permainan.

Temasha itu ia-lah juga satu perjumpaan riadhah, bukan sa-mata2 untuk menunjokkan gerak badan yang sempurna bahkan ia-lah juga untuk menambahkan lagi erat-nya hubungan tali per-sahabatan antara satu dengan lain.

Dalam jiwa sukan tidak ada perasaan iri hati, khianat, malas dan berbudi perkerti hina. Tiap2 peserta atau pasokan hendak-nya berjiwa mulia dan mempun-yai penoh keperchayaan dan berjiwa keolahragaan., serta pa-toh kepada undang2 dalam te-masha dan tundok pada keputu-san2 hakim yang berdasar atas kenyataan dan keadilan.

Sa-belum peraduan akhir tiap2 daerah terlebih dahulu menga-dakan perlawanan senaman dan permainan bagi sekolah2 di-dae-rah itu dan dua buah sekolah yang terbaik atau yang menda-pat markah tertinggi akan di-perlawankan dalam perlawanan seluruh negeri.

Biasa-nya sekolah yang terbaik dalam senaman sahaja ada-lah berpeluang memasoki pertandi-ngan seluruh negeri untuk mere-but piala perak kejohanan dalam senaman seluruh negeri.

Tempat mengadakan peraduan senaman dan permainan bagi seluruh negeri ia-lah di-padang besar Pekan Brunei dan bagi tiap2 daerah ia-lah di-padang se-kolah di-pekan, masing2.

Biasa-nya tiap2 sekolah di-beri tahu dengan resmi oleh jabatan pelajaran berkenaan dengan su-katan pergerakan badan dan jenis2 permainan yang akan di-perlawankan itu.

Dalam pada itu sa-orang guru

pelawat khas dalam bahagian ini sering kali mengadakan lawa-tan2 ka-sekolah2 untuk membe-ri penerangan2 dan tuladan2 mengikut susunan yang ditetapkan. Mana2 satu pergerakan yang ku-rang di-fahami bagi melakukan-nya guru pelawat ini ada-lah ber-

sedia membetulkan dan memberi tegoran.

Dengan berbuat demikian se-mua murid2 sekolah akan mem-pertunjokkan senaman yang sa-ma dan sa-rempak.

Guru2 yang mengeluarkan pa-sokan2 senaman itu juga ada-lah di-kehendaki chekap dan dengan memakai pakaian yang di-tentu-kan.

Guru2 pelateh di-tiap2 sekolah di-perlukan memimpin pasokan ka-padang perlawanan. Markah guru ini ada-lah juga di-hitong dalam menentukan tempat pasokan2 yang berjaya.

Peraduan senaman dan per-mainan saperti yang telah di-ada-kan baharu2 ini di-padang besar Pekan Brunei ada-lah perlawan-an antara sekolah2 baik dalam seni pergerakan badan dan ke-hendalam dalam permainan2 di-padang.

Temasha peraduan senaman dan permainan ini telah mula di-adakan sejak beberapa tahun da-hulu tetapi hanya untuk murid2 lelaki sahaja.

Oleh kerana memandang beta-pa perlu-nya bahagian murid2 perempuan di-beri kesempatan bersama dalam lapangan2 sena-man dan permainan maka pasokan2 perempuan mula-lah di-adakan sejak lima enam tahun kebelakang.

Sekarang beberapa buah seko-lah2 di-Negeri ini terutama se-kolah2 yang besar2 yang mem-punyai ramai murid2 mengeluar-
(Lihat muka 6)

DULI PENGIRAN MUDA RASMIKAN SUKAN SEKOLAH2 BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanel Bolkiah, putera sulong Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri telah merasmi-kan pembukaan temasha sena-man dan permainan tahunan ba-gi sekolah2 Daerah Brunei dan kawasan Bandar Brunei yang telah di-langsungkan di-padang Pekan Brunei di-sini pada 11 Au-gust sudah.

Pasokan2 yang telah mengam-bil bahagian dalam peraduan itu terdiri dari 15 buah sekolah2 Melayu. 19 pasokan ia-lah ba-hagian murid2 lelaki dan 6 pasokan bahagian murid2 perempuan.

Sa-lepas sahaja Duli Pengiran Muda mengishtiharkan pembuka-an lagu kebangsaan Brunei pun di-bunyikan dan diikuti dengan istiadat berbaris berkeliling pa-dang itu.

Barisan kehormatan telah di-sambut oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar, Pegawai Daerah Brunei-Muara sabagai Yang Dipertua Temasha dan Tuan James Pearce, Pema-ngku Pegawai Pelajaran Brunei.

Peraduan senaman di-adakan pada sa-belah pagi menakala per-mainan di-padang pada sa-belah petang.



Duli Pengiran Muda

Hadih2 kepada pasokan2 yang telah berjaya dalam perlawanan senaman dan permainan itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhor-mat Tuan D.C. White British Resident Brunei petang itu juga.

PASOKAN2 PERLAWANAN SUKAN SA-NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ba-nyak 8 pasokan dari sekolah2 Melayu daerah dan bahagian Bandar Brunei akan masok ber-tanding dalam peraduan senaman dan permainan seluruh negeri.

Pertandingan akhir itu akan di-langsungkan di-padang Pekan Brunei di-sini pada penghujung bulan hadapan.

Empat pasokan terdiri dari murid2 perempuan dan yang empat lagi itu murid2 lelaki; empat pasokan dari daerah Brunei dan empat pasokan dari kawasan Bandar Brunei.

Pasokan2 dari kawasan Bandar Brunei, 2 pasokan lelaki dari Sekolah Melayu Sultan Moham-mad Jamal-ul 'Alam ia-itu pasokan SMJA "B" dan "D", dan 2 pasokan murid2 perempuan dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fa-timah, pasokan RIF "B" dan "A".

Pasokan2 dari daerah Brunei ia-lah dari sekolah Melayu Sengkurong dan Berakas. Tiap2 sekolah ini mengeluarkan sa-pasokan bahagian murid2 lelaki dan sa-pasokan murid2 perempuan.

Johan senaman dan permainan bagi kawasan Bandar Brunei dan daerah Brunei tahun ini jatuh kepada Sekolah Melayu SMJA "B" (lalaki) dan Sekolah Mela-yu Berakas (perempuan).

Johan senaman sahaja bagi se-kolah2 di-kawasan Bandar Bru-nei ia-lah pasokan SMJA "B" (lelaki) dan pasokan RIF "B" (perempuan) dan bagi daerah Brunei ia-lah Sekolah Melayu Berakas (lelaki dan juga pasokan perempuan).

Johan permainan sahaja bagi sekolah2 di-kawasan Bandar Brunei ia-lah pasokan SMJA "D" (lelaki) dan pasokan RIF "A" (perempuan) dan bagi dae-rah Brunei ia-lah Sekolah Mela-yu Sengkurong (lelaki dan ju-ga pasokan perempuan).

Tahun lepas pasokan sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal-ul 'Alam "A" telah menjadi johan bagi daerah Brunei dan kawasan Bandar Brunei.

Permohonan menjadi warga negara

BANDAR BRUNEI. — Permo-honan2 kerana hendak menjadi warga negara British melalui Ke-rajaan Brunei tidak dapat di-layani untuk sementara waktu.

Satu siaran Kerajaan berkata satu ma'alumat akan di-keluarkan sa-baik sahaja permohonan2 itu dapat di-layani.

KAUM IBAN BEKERJASAMA MEMBENA SEKOLAH MELAYU DI-ULU DAERAH

BANGAR. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah berangkat ka-Amo pada 7 August ini kerana merasmikan pembukaan Sekolah Melayu kampung tersebut.

Kampung itu terletak di-ulu Sungai Temburong, kira2 dua jam pelayaran dengan outboard motobot dari Bangar. Amo ia-lah kampung Iban yang terbesar di-daerah Temburong.

Semenjak sekolah itu di-dirikan lima bulan dahulu 44 orang kanak2 Iban, laki2 dan perempuan dari Kampung2 Amo, Semiling, Sibut dan Batang Duri telah mula mendapat pelajaran Melayu.

Semua-nya hampir 50 keluarga Iban menduduki kampung2 tersebut.

Pembinaan sekolah itu telah di-usahkan oleh Penghulu mereka, Orang Kaya Gimang, dengan kerja sama penduduk2.

"Lima bulan dahulu padang sekolah ini penoh dengan tunggul2 kayu besar yang baharu ditebang, tetapi dengan kerjasama daripada penduduk2 tunggul2 itu telah di-chabut dan lobang2-nya di-kambus sa-mula" kata Orang Kaya Gimang.

Padang itu maseh belum seperti yang di-kehendaki tetapi murid2 dan ibu bapa ada-lah bergiat hendak menjadikan sa-buah padang yang sa-suai untuk mengadakan permainan2 seperti yang di-dapati di-lain2 sekolah Melayu di-negeri ini.

Upacara pembukaan sekolah itu telah di-ketuai oleh Inche Hashim bin Tahir, Penyelia sekolah2 Melayu Daerah Temburong.

Dalam ucapan-nya Inche Hashim berkata antara lain2 :

"Sekolah Melayu Amo ini ia-lah satu daripada empat buah sekolah yang baharu di-bangunkan oleh orang kampung sendiri pada awal tahun ini dengan menerima bantuan \$400 daripada kerajaan.

"Sekolah yang sa-umpama ini ada-lah di-panggilkan sekolah sementara. Mengikut dasar kerajaan dalam tempoh tiga tahun sekolah sa-umpama ini ada-lah dalam tanggungan penduduk kampung itu sendiri, hanya kerajaan memberi segala alatan sekolah dan segala alatan rumah guru serta guru.

"Apakala di-dapati kemajuan sekolah ini dan di-fikirkan kerjasama kanak2 belajar sentiasa bertambah dari masa ka-masa maka baharu-lah kerajaan memikirkan sama ada akan di-buat bangunan kekal atau pun bang-



unan ini terus di-jaga oleh kerajaan.

Inche Hashim berkata lagi : "Kerajaan ada-lah sentiasa berikhtiar untuk memberi pelajaran kepada ra'ayat negeri ia itu tidak mengira orang Melayu, orang Iban atau puak apa jua pun asalkan dia ra'ayat negeri ini.

"Di-mana2 tempat yang berkehendak, jika di-fikirkan sa-suai ada-lah akan didirikan sekolah. Dalil-nya ada-lah seperti di-Amo ini, walau pun tempat-nya jauh dan susah hendak hilir mudak dari Bangar atau Brunei."


Tetapi kerajaan bukan sahaja memberi pelajaran kepada kanak2 ia juga mengadakan kelas2 dewasa bagi orang2 yang buta huruf. Masa ini semua sekolah2 Melayu di-Brunei telah di-benarkan membuka kelas2 dewasa pada sa-belah petang atau malam hari.

Inche Hashim sa-terus-nya menyeru agar penduduk Iban di-ka-wasan Amo mengambil peluang belajar bahasa Melayu di-kelas dewasa yang akan di-buka di-sekolah baharu kampung itu.

Sa-belum berangkat balek pada petang itu Duli Pengiran Bendahara telah di-minta oleh penduduk2 kampung itu menanam sa-pohon anak kelapa sa-bagai tanda lawatan-nya ka-Amo.

Sa-bagai kenangan2 atas lawatan itu penduduk2 kampung telah menyembahkan tandok rusa untuk di-jadikan perhiasan ruangan rumah kapada Pengiran Bendahara.


Bergambar ramai sa-telah upacara pembukaan di-jalankan. Di-sabelah kanan Duli Pengiran Bendahara ia-lah Orang Kaya Gimang dan di-sabelah kiri-nya Tuan James Pearce dan Inche Nordin



Kiri : Duli Pengiran Bendahara sedang menggunting peta. Kanan : Tarian kajat telah di-persembahkan oleh sa-orang laki2 Iban



Di-atas : Murid2 perempuan sedang bermain. Di-bawah, kiri : Penduduk2 mengalu2kan Duli Pengiran Bendahara, kanan : Duli Pengiran Bendahara menanam sa-pohon anak kelapa.



"Orang Melayu mula memenohi kerja2 kosong yang di-pandang rendah"

MAJIKAN DI-CHADANGKAN MELATEH BUROH TEMPATAN

Kerumitan di-sebabkan oleh kekurangan pekerja2 tempatan yang maher akan dapat di-atasi apabila Kerajaan meluluskan shor2 Jawatan Kuasa Khas kerana menimbangkan dasar penganggoran bagi negeri ini.

Jawatan kuasa itu terdiri dari tiga orang ahli, ia-itu Duli Pengiran Pemancha, Yang Berhormat Pengiran Yusuf dan Tuan D.B. Petherick, Pesuruh Jaya Buroh.

Dalam penyata-nya yang akan di-sampaikan kepada Kerajaan kelak jawatan kuasa tersebut meniadakan bahawa majikan hendaklah melateh 5% hingga 10% daripada buroh mereka untuk mendapatkan kemaheran.

Chadangan akan di-jadikan syarat

Chadangan itu akan di-jadikan syarat dalam borang2 menerima tawaran borong kerajaan dan juga dalam kebenaran quota menggunakan pekerja2 dagang.

Latehan ini ia-lah sa-bagai tambahan kepada ranchangan yang sedia ada berkenaan dengan mendesak majikan dan contractor2 menggunakan buroh tempatan sa-lain daripada buroh dagang dalam menjalankan perusahaan atau perniagaan mereka.

Penyata itu menegaskan bahawa di-negeri ini penganggoran seperti yang difahamkan di-Singapura, Hongkong atau Eropah tidak di-dapati kerana yang sa-benar-nya ada banyak kerja2 kosong yang tidak di-penohkan oleh buroh tempatan.

Kerja yang tidak memerlukan mahir

Kerumitan-nya ia-lah bagaimana hendak mendorong pekerja2 tempatan menerima kerja2 yang tidak mereka sukai oleh sebab kerja2 itu di-pandang rendah atau hina, jauh dari bandar atau pun oleh sebab tidak ada tempat tinggal di-tempat bekerja.

Pada masa ini ada lebih dari 500 kerja yang demikian tidak di-penohkan kerana kerja2 itu tidak sa-suai dengan resmi buroh tempatan, kata penyata itu lagi.

Kerja2 itu ada-lah kerja yang tidak memerlukan kemahiran tetapi di-pandang rendah.

"Orang2 Melayu tidak mahu mengambil kerja2 yang tidak berkehendakkan kemahiran boleh di-dapati pada masa ini," kata penyata jawatan kuasa itu.

Satu dari shor2 supaya orang2 Melayu memenohi kerja2 itu ia-lah dengan jalan penerangan melalui radio kemulian semua kerja walau pun kerja itu di-pandang rendah.

Jawatan kuasa itu sa-terusnya menyatakan :...

Tempat2 tinggal di-sediakan

'Kerumitan-nya ia-lah mendorong pekerja2 tempatan menerima satengah2 dari kerja kosong yang ada itu. Tidak shak lagi satengah-nya mendapatkan kerja yang mereka kehendaki tetapi ada-lah mustahil dapat di-adakan kerja2 yang sa-suai bagi semua.

"Soal dalam perkara ini bukan-nya mengadakan kerja dan menambah lagi kerja2 kosong, tetapi ia-lah bagaimana hendak menggalakkan mereka itu mengambil kesempatan dari peluang2 yang sedia ada itu."

Soal "muka" ada-lah dikatakan memberi pengarah besar pada memilih kerja. Kerja2 yang di-pandang rendah itu sering di-penohkan jika di-dapati di-luar kawasan municipal atau terlindung dari pandangan orang ramai.

Tetapi galakan yang besar bagi memenohkan kerja2 seperti itu ia-lah perumahan dan kerja2 itu akan di-penohkan jika sa-kira-nya tempat tinggal di-adakan.

Allowance rumah akan di-beri

"Kerajaan membena jalan2 raya dan pada mula2-nya oleh kerana tidak mengadakan rumah2 sementara di-jalan2 itu, orang2 Iban yang mendirikan bangsal2 burok untuk kediaman telah terpaksa di-gunakan.

"Apabila kerajaan" akhirnya, kata penyata itu, "membena rumah2 sementara dalam kawasan yang jauh seperti Sungai Liang dan Telisai, orang Melayu boleh di-gunakan dan telah di-ambil bekerja dengan ramai bilangan-nya.

Perumahan akan menjadi syarat dalam perjanjian2 menerima tawaran borong Kerajaan kelak. Pejabat Kerja Raya akan di-galakkan mengadakan tempat2 tinggal bagi pekerja2 di-tempat yang jauh walau pun akibat-nya perbelanjaan akan bertambah.

Jika rumah2 yang di-kehendaki itu tidak di-bena, jawatan kuasa itu mengeshorkan pemberian allowance perumahan kepada pekerja2.

Kerja2 kosong yang banyak

pada masa ini di-dapati di-ladang2 getah. Ladang2 itu di-punyai dan di-uruskan oleh Kerajaan.

"Supaya sabera ramai pekerja2 terdorong bekerja di-kebun sa-bagai penureh getah, perumahan yang baik, perhubungan jalan dengan ladang2 itu supaya senang hendak pergi balek dari bandar dan sa-bagai ikhtiar di-timbangan, kata penyata itu.

Perusahaan getah ada-lah di-sifatkan sa-bagai garisan kedua dalam pertahanan ekonomi negeri, sa-lepas perusahaan minyak.

Shor menggerakkan pekerja2 memenohi kerja2 kosong di-ladang2 itu ia-lah supaya perusahaan itu bertambah besar dan yang demikian menibanyakan pekerjaan.

Mengadakan pusat2 latehan

Sungguh pun demikian jawatan kuasa itu menyedari akan kekurangan penduduk2 negeri. Bilangan mereka tidak mungkin dapat menyelenggarakan gerakan ekonomi yang deras yang telah di-mulakan oleh perusahaan minyak.

Tambahan lagi soal mengadakan ramai lagi pekerja2 Melayu yang maher ada-lah satu perkara yang mengambil masa yang lanjut dan bergantung pada kemudahan2 memberi latehan dan mengadakan pusat2 latehan bagi orang2 Melayu mendapatkan kemahiran.

Sa-hingga itu pekerja2 dagang akan terpaksa di-datangkan ka-negeri ini.

Oleh sebab orang2 Melayu amlu hendak menjalankan kerja2 yang di-pandang rendah itu penganggoran telah berlaku di-negeri ini.

Sambil orang2 Melayu menanggkor orang2 dagang dan Iban dari Sarawak dan Borneo Utara telah memenohkan sa-bahagian dari kerja2 yang kosong itu.

Orang2 Iban itu berguna pada memenohkan kerja2 yang kotor dan tidak di-terima oleh pekerja2 tempatan tetapi mereka itu boleh dan telah pun bertanding kerana memenohi kerja2 yang lebih baik.

Majikan2 hendaklah menerima chadangan

Berkenaan dengan orang2 dagang pula, jika di-adakan sekatan yang keras atas kemiskinan mereka ka-negeri ini, kerja2 kosong akan bertambah banyak dan mungkin menim-

bulkan suatu perkara yang kurang baik kepada ekonomi Brunei.

Dalam hal ini jawatan kuasa berfikir, "Majikan kepada orang2 dagang hendaklah dengan beransor2 menerima chadangan terhadap dasar perpu-lohan pekerja2 dagang dengan pekerja2 tempatan dan pertimbangan hendaklah di-beri pada desakan supaya mereka menggunakan dan melateh pekerja2 tempatan.

Jawatan kuasa itu telah juga memberi perhatian atas kerja2 yang di-penohkan oleh perempuan2 Eropah dan anak2 perempuan mereka di-bank2, gudang2 perniagaan, perusahaan dan lain2 tempat bekerja.

Mereka itu di-benarkan masuk untuk tinggal sahaja tetapi oleh kerana sebab2 yang tidak di-ketahui kerja2 yang di-buat oleh mereka itu tidak termasuk dalam kebenaran quota pekerja2 dagang.

Jawatan kuasa itu berfikir bahawa mereka itu hendaklah terkandung dalam kebenaran quota supaya kawalan dapat di-jalankan atas bilangan yang bekerja, dan siasatan di-jalankan sama ada pekerja2 tempatan boleh didapati untuk memenohi kerja2 itu.

Mengelakkan penganggoran

Sa-bagai mengelakkan penganggoran di-negeri ini jawatan kuasa telah meniadakan antara lain2 :

- (a) Di-mana2 yang boleh di-jalankan, di-kurangkan masa bekerja, tidak di-kurangkan bilangan pekerja2. Ini bermaana pekerja rugi dari segi gaji tetapi itu lebih baik dari sa-bilangan daripada mereka menjadi penganggor.
- (b) Kawalan ka-atas orang dagang masuk ka-negeri ini dan bekerja dengan tidak mendapat kebenaran bekerja.
- (c) Pekerja2 yang berlebeh yang terpaksa di-berhentikan hendaklah di-bayar sugu hati, sa-kurang2-nya dua minggu gaji bagi tiap2 tahap genap perkhidmatan.
- (d) Nasihat hendaklah di-beri kepada pekerja2 yang menganggor dan tanggung jawab ini di-letakkan di-atas bahu Pesuruh Jaya Buroh dan kaki tangan-nya.

Akhir-nya jawatan kuasa itu meniadakan bahawa Kerajaan hendaklah memasoki lapangan perniagaan dan pe-

(Libat muka 8)

Wabak kepialu di-kampong: 14 di-dapati sakit

BANDAR BRUNEI. — Empat belas orang penduduk2 Kampong Batong di-daerah ini telah di-dapati menghidap penyakit demam kepialu oleh rombongan perubatan yang melawat ka-kampong itu.

Mereka telah di-ubati dan wabak itu nampak-nya telah dapat di-kawal, kata satu siaran Pejabat Kesihatan Brunei.

Siaran itu sa-lanjut-nya berkata bahawa penyakit demam kepialu itu meluas di-negeri ini lima tahun dahulu. Semenjak itu kejadian penyakit itu telah kurang oleh sebab gerakan membersekan rumah dengan ubat pantan yang di-jalankan oleh Pejabat Kesihatan.

Untuk menghapuskan penyakit tersebut di-kampong2 orang ramai ada-lah di-minta bekerja sama dengan rombongan2 pemanchut ubat kepada rumah2 apabila mereka datang ka-kampong.

Mereka itu datang sa-kali sahaja.

Bagi menegaskan kekurangan penyakit itu semenjak gerakan pemanchut ubat kepada rumah2 di-jalankan siaran itu menyatakannya:

Dalam tahun 1953 lebih 3,000 orang di-dapati menghidap penyakit demam kpialu tetapi dalam tahun lepas hanya 41 orang sahaja di-ketahui menghidap penyakit tersebut.

Dalam tahun ini pula 25 orang termasuk 14 orang di-Kampong Batong itu di-ketahui menhidap penyakit demam kepialu.

Akhir-nya siaran itu menegaskan

kan betapa mustahaknya rumah2 kampong di-kenakan ubat panchutan menchegeh penyakit demam kepialu.

Jika sa-suatu rumah itu tidak di-kenakan ubat panchutan itu ia mungkin menjadi tempat yang akan membiakkan penyakit itu kelak.

Jemputan dari pada Pejabat Radio

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai ada-lah di-jemput mengunjongi studio Radio Brunei di-Bandar Brunei kerana melihat bagaimana siaran2 radio itu di-uruskan.

Mereka itu sa-baik2-nya datang dalam kumpulan tidak lebih daripada 15 orang dan di-ketuai oleh Ketua2 kampong, Guru2 sekolah pegawai2 yang bertanggung jawab atau pengurus2 shariat.

Hari yang di-tetapkan bagi pelawat2 ia-lah hari Thalatha dan Khamis diantara pukul 2.30 petang hingga 3.40 petang.

Orang2 yang hendak melawat itu ada-lah di-minta terlebih dahulu memberi tahu Ketua Pejabat Broadcasting, Bandar Brunei.

LAWATAN AHLI2 PARLEMEN BRITISH KA - BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan yang terdiri dari empat orang ahli2 parlemen British di-jangka sampai di-Brunei pada 2 September hadapan dalam lawatan mereka ka-kawasan2 British di-Borneo. Mereka itu akan berada di-sini sa-hingga 5 September.

Ahli2 parlemen itu ia-lah Sir John Barlow, Tuan John Peel, Tuan Ernest Fernyhough dan Tuan Albert E. Oram.

Mereka itu ia-lah ahli2 parlemen yang banyak perhubungan

dengan jajahan2 British di-Tenggara Asia.

Tuan John Peel ia-lah bekas British Resident Brunei sa-lepas perang dunia yang kedua dari tahun 1946 hingga tahun 1948.

Tuan Peel telah memasoki lapangan politik dalam tahun 1954 dan telah di-pilih menjadi ahli



Tuan William J. Peel.

parlemen British bagi kawasan Warwickshire dalam pilihan raya tahun 1955.

Semenjak itu ia telah menjadi Setiausaha Sulit dalam parlemen dan Setiausaha Ekonomik kepada Perbendaharaan.

Sir John Barlow pula banyak mempunyai perhubungan perniagaan dengan Malaya Singapura dan jajahan2 Borneo British dan telah menjadi ahli parlemen semenjak tahun 1945.

Sir John ada-lah di-katakan sa-orang yang mahir menggunakan buloh sumpitan.

Tuan Ernest Fernyhough ia-lah ahli Parti Buroh dalam parlemen dan mewakili kawasan Jarow semenjak tahun 1947.

Tuan Oram ia-lah ahli Parti Buroh bagi kawasan East Ham South.

Penderma2 darah di-perlukan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah merayu kepada penduduk2 negeri ini supaya mendermakan darah kepada tabong darah rumah sakit Brunei.

Darah itu di-kehendaki untuk pembelahan ka-atas orang2 yang menghidap penyakit batok kering yang akan di-jalankan tidak lama lagi oleh pakar2 belah dari Australia.

Menderma darah tidak di-tegah oleh ugama Islam kata Kadhir Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Sa-takat ini 131 orang dari pasukan Polis Brunei telah menderma darah dengan sukarela tetapi darah yang di-kumpulkan itu tidak cukup untuk ranchangan pembelahan yang akan di-jalankan itu.

Rombongan doktor2 dari Australia itu di-ketuai oleh Tuan C.J. Brown sa-orang pakar belah yang terkemuka di-dunia.

PENDUDOK2 KAMPONG AKAN DI-XRAY

BANDAR BRUNEI. — Ranchangan Pejabat Perubatan Brunei hendak mengambil gambar Xray penduduk2 kampong kerana hendak mengetahui sama ada mereka itu menghidap penyakit batok kering akan di-teruskan dalam bulan October.

Ranchangan itu telah di-mulakan dalam bulan June di-Kampong Sabah, Kampong Ayer. Penduduk2 kampong itu telah di-Xray dan di-dapati 2½ peratus menghidap penyakit batok kering.

Sa-orang Pejabat Perubatan berkata bilangan penduduk2 yang menghidap penyakit itu ada-lah enam kali ganda dari yang di-dapati dalam gerakan Xray itu.

Orang2 itu telah di-Xray terlebih dahulu ia-itu dalam masa 18 bulan yang lalu semenjak ranchangan Xray di-jalankan.

Orang2 itu telah di-ubati dan kebanyakan daripada mereka tidak lagi berjangkit penyakit-nya.

Jumlah orang2 yang di-ketahui, ia-itu hasil dari lanjutan gerakan Xray itu ada-lah menggalakkan bagi Negeri Brunei.

"Tetapi, kata juruchakap itu lagi, "jumlah itu yang sa-benarnya 10 kali ganda tinggi-nya dari yang di-dapati di-United Kingdom."

PENGIRAN BENDAHARA RASMIKAN PEMBUKAAN MASJID RA'AYAT

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, telah membuka dengan rasmi-nya bangunan baharu Masjid Jerudong pada tengah hari Juma'at 14 August, 1959.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Masjid itu di-bena oleh penduduk2 Kampong Jerudong dengan perbelanjaan kira2 \$3,000.

Sembahyang Juma'at telah di-

dirikan di-masjid itu sa-telah upacara pembukaan di-tamatkan.

Telaga minyak di-laut Seria

SERIA. — Kapal pengorek minyak, Orient Explorer, yang di-punyai oleh shariat minyak BSP itu di-jadualkan mengorek sa-buah telaga minyak di-laut dekat pantai Seria tidak lama lagi.

Tempat yang di-korek itu bertentangan dengan Sungai Seria, 1¼ batu ka-laut.

Telaga yang akan di-korek itu lurus sa-hingga 7,000 kaki ka-dalam tanah, dan ia-lah sa-buah telaga perchubaaan sahaja.

Orient Explorer itu sudah pun mengorek sa-buah telaga perchubaaan di-Ampa Patches tidak jauh dari Labuan.

Hukuman penjara

BANDAR BRUNEI. — Akim bin Kassim, sa-orang pemuda Melayu yang telah di-hukum tiga kali dahulu telah mengaku salah pada 10 August ini kerana menchuri sa-buah peti radio dari sa-buah rumah.

Kesalahan itu di-katakan telah di-buat-nya di-Kampong Beribi.

Akim telah di-kenakan hukuman penjara sa-lama sa-bulan oleh Magistrate, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad.

Bahasa Melayu tidak tersalin rupa

(Oleh : MALA MAS)

BANDAR BRUNEI. — “Kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit”. Bagitu-lah bunyi peri bahasa Melayu yang sering di-dengar di-sekitar masyarakat orang Melayu hari ini.

Peri bahasa yang tersebut membuktikan bahawa kekuatan sa-saorang atau bangsa itu ada-lah berharap kepada anggota2-nya yang kuat. Tegas-nya kekuatan tenaga itu ada-lah berharap kepada pemuda dan pemudi.

Kita berasa bangga di-zaman atom ini kerana ramai di-antara kita yang menjadi ahli2 sasterawan dan sasterawani untuk menegembangkan bahasa Melayu.

Kita berharap bahasa Melayu akan datang tidak tersalin rupa seperti kata pepatah “Hidup bahasa hidup-lah bangsa.”

Untuk mengembangkan bahasa, pemuda pemudi ada-lah diharapkan sanggup memerah otak-nya berfikir dan bertikam lidah kerana bangsa-nya.

Soal2 untuk memperluaskan bahasa itu hendak-lah di-bibit dan di-perjuangkan bersama2 walau pun dia-nya dudok di-hutan belantara sa-kali pun.

Dari sini saya serukan kepada pemuda pemudi Melayu: “Benalah dan ketengahkan-lah bahasa Melayu dari sekarang kerana bahasa Melayu hari ini boleh di-ibaratkan bak “sakat tumbok di-batu hidup segan mati ta’ mau-hu.”

Kerendahan mutu bahasa Melayu jika di-bandingkan dengan bahasa2 lain yang telah maju memang di-akui rendah tetapi bahasa itu mungkin dapat di-tinggikan mutu-nya.

Sa-suatu kemajuan itu memang “ta’ tahu ta’ kenal, ta’ kenal ta’ chinta.”

Hidangan biskut kelapa

Dalam keluaran ini Pelita Brunei menghidangkan “Biskut kelapa” masakan Puan Naemah binti Yusof dari Bandar Brunei. Champoran2 biskut kelapa itu ia-lah :

Tiga biji telur ayam, 12 oz. gula halus, 8 oz. mentega, 12 oz. tepung gandum, 1 biji kelapa yang sudah di-parut dan di-goreng kuning2 sedikit.

Peratoran memasak-nya. Taroh gula halus dalam besin, kemudian pechahkan telur uli hingga rata. Lepas itu champorkan mentega dan uli sampai chair dan baharu-lah di-champorkan tepung gandum serta kelapa dan uli sa-hingga rata.

Champoran itu di-masokkan ka-dalam achuan dan di-bakar hingga kuning.

Ingatan: Kelapa goring itu baik di-tumbok supaya halus dan senang di-terap. Bentuk achuan-nya mengikut kesukaan masing2.

PERKHIDMATAN AKHBAR KAPADA ORANG RAMAI

BANDAR BRUNEI.—Semenjak 4 tahun dahulu Pejabat Pengerangan Negeri Brunei telah mengeluarkan akhbar rasmi Kerajaan dua kali sa-bulan dan di-edarkan dengan perchuma kepada penduduk2 negeri.

Surat khabar itu menyatakan kapada kita apa yang sedang berlaku di-merata2 tempat dalam dunia dan juga mengumumkan hal2 tempatan.

Surat khabar biasa-nya mengandongi beberapa lembar. Lembar itu di-penohi oleh berita, ilan gambar dan cherita pendek.

Ilan2 itu biasa-nya ia-lah mengumumkan perdagangan tetapi sering juga di-dapati dalam ruangan ini ilan2 berkenaan dengan kerja2 kosong, kemalangan, perkahwinan, pertunangan dan kematian.

Sa-lain dari itu panggon2 wa-yang gambar sangat mengharapkan kapada akhbar2 memuatkan tajok gambar yang akan di-tayangkan.

Kebanyakan surat2 khabar itu mengandongi ruangan pengarang. Disini dapat-lah di-ketahui tentang pendapat pengarang

Penuntut2 balek ka-maktab guru2

BANDAR BRUNEI. — Dua belas orang penuntut2 Brunei di-Kent College, Jesselton telah berlepas dengan kapal terbang balek ka-Jesselton baharu2 ini untuk meneruskan pelajaran mereka.

Penuntut2 itu ia-lah Tinggal binti Mudin, Jaliha binti Mun-chong, Zaliha binti Said, Aminah binti Yaman, Sharibanun binti Pishih, Arnah binti Ibrahim, Dayangku Fatimah binti Pengiran Puteh, Dayangku Saerah binti Pengiran Ahmad, Dk. Saifah binti P. Wahid, Salmah binti A. Kadir, Rafiah binti H. Safar dan Janaliah binti A. Hanifah.

TANGKAP BUAYA DENGAN EMAS, JAMPI DAN SUMPITAN

SERIA. — Dua ekor buaya telah di-tangkap baharu2 ini di-sini oleh sa-orang pawang buaya, Mat Yassin bin Hussin.

Mat Yassin telah menangkap hampir 700 ekor buaya dalam masa 40 tahun bekerja sa-bagai pawang buaya.

Beliau menangkap buaya itu dengan jampi buloh sumpitan dan menaborkan bunga emas di-sungai. Umpan-nya ia-lah ayam pada mata kail.

Apabila buaya itu mengangkakan mulut hendak makan umpan, Mat Yassin pun menyempit mulut buaya tersebut supaya ia lemah.

Buaya yang di-tangkap-nya ia-lah sa-ekor daripada beberapa ekor buaya yang baharu2 ini di-lihat di-dalam sa-buah

parit yang mengalir ka-Sungei Seria.

Buaya itu telah di-bunuh.

Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Empat orang guru Melayu dari Miri, Sarawak telah melawat ka-Bandar Brunei baharu ini dan di-pandu oleh Ketua Inspector Sekolah2 Melayu Brunei Inche Nordin, melihat kawasan bandar.

Guru2 itu di-ketuai oleh Inche Othman bin Haji Zainuddin.

itu berkenaan dengan soal2 negeri dan masharakat.

Surat khabar ada-lah berkhidmat untuk orang ramai kerana ia mengumumkan berita2 dari seberang laut hal2 politik, sosial, berita pelajaran, sukan dan lain2-nya.

Sa-terus-nya surat2 khabar yang baik itu ada-lah meluaskan fikiran, menambah pengalaman dan memberi pelajaran dan panduan. — A.A. Ahmad.

Majlis untuk D.Y.M.M. dan rombongan

KUALA BELAIT. — Penduduk2 jati Belait akan meraikan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan perlembagaan Brunei di-Kuala Belait pada 29 August ini.

Majlis itu di-chadangkan oleh Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Bujang.

Orang Kaya itu telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana Bandar Brunei, pada 13 August menjunjung baginda.

Wakil Brunei ka-Kolej Islam

BANDAR BRUNEI. — Upacara penyampaian izajah kepada penuntut2 Kolej Islam Klang, Malaya telah di-hadiri oleh dua orang wakil dari Brunei baharu2 ini.

Mereka itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar Brunei dan Inche Ishak bin Adam, Naib Kadhi Tutong.

Mereka itu telah berlepas ka-Malaya bersama2 dengan 8 orang pegawai2 kanan Brunei yang di-tugaskan memerhatikan chara2 pilihan raya di-jalankan di-Persekutuan Tanah Melayu.

Pasokan laki2 dan perembuan berasingam

(Dari muka 2)

kan lebih dari satu pasokan termasuk pasokan murid2 perempuan untuk di-tunjokkan dan diperlawankan.

Tetapi dalam memberi mar-kah, bahagian pasokan2 perempuan ada-lah di-asingkan dari pasokan2 lelaki walau pun ada sa-tengah2 pasokan perempuan di-pimpin oleh guru pelateh lelaki.

Permainan di-padang dan pergerakan badan ada sa-tengah2-nya tidak sama dengan apa yang di-buat oleh murid2 lelaki.

Pergerakan2 badan yang di-tunjokkan oleh murid2 perempuan kebanyakan-nya pergerakan tangan dan badan dan pergerakan yang ringan sahaja.

2,000 saksikan lumba kereta di-padang terbang

BANDAR BRUNEI. — Kira2 2,000 orang dari berbagai2 bangsa, dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara telah menyaksikan perlumbaan kereta2 yang telah di-langsungkan pada pertama kali dalam Negeri Brunei di-lapangan terbang Brunei Berakas pada 9 August, 1959....

Perlumbaan tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Brunei State Motor Club yang di-tubuhkan tidak berapa lama dahulu. Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanha, Penaong Klab Motor Car itu telah membuka perlumbaan itu dengan memandu motokar-nya mengelilingi kawasan perlumbaan sa-jauh 1½ batu bersama2 dengan Yang di-Pertua klab tersebut, Tuan P.R.W. Jupe.

Piala Perak pusingan yang di-hadiahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei untuk pemandu yang deras sa-kali telah di-menangi oleh Kapitan P.J. Carolina yang telah menandu kereta sports-nya jenis Allard dengan mengambil masa 1 minit 29.2 saat.



Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera (kanan) kelihatan menyampaikan hadiah piala perak Duli Yang Maha Mulia kepada Kapitan P.J. Caroline johan lari deras.

PASOKAN WORKSHOP KALAHKAN BRUNEI SPORTS CLUB

BANDAR BRUNEI. — PWD Workshops Sports Club telah berjaya mengalahkan Brunei Sports Club dalam perlawanan akhir hockey antara pasokan2 dalam Bandar Brunei di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College pada petang hari Juma'at yang lalu.

Gol yang membawa kemenangan kepada pasokan P.W.D.-Workshops Sports Club itu di-jaringkan oleh Ahmad Damit 17 minit dalam pertengahan yang kedua, manakala satu gol lagi bagi pehak pasokan itu di-jaringkan oleh Awangku Radin 12 minit dalam pertengahan yang pertama. Voules telah menjaringkan gol yang tinggal bagi pasokan Brunei Sports Club.

Ketua2 Pandu Puteri

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pandu Puteri Daerah Brunei menawarkan perkhidmatan anggota2-nya kerana memberi bantuan sukarela.

Persatuan itu di-tubuhkan lebeh kurang 18 bulan dahulu dan telah berjaya mengutip derma untuk menghantar 5 orang pandu puteri ka-jambori pandu puteri di-Australia baharu2 ini.

Persatuan itu di-katakan berkehendakkan ketua2 lagi. Pemuda2 yang berkelayakan ada-lah di-jemput berhubung dengan persatuan itu untuk memberi perkhidmatan.

Piala Perak pusingan Friends untuk johan dan Piala Perak pusingan Zain Ariff untuk naib johan pertandingan tersebut akan di-sampaikan dalam satu temasha sa-dikit hari lagi.

RANCHANGAN RUGBY

KUALA BELAIT.—Pemain2 rugby di-daerah ini mungkin bertambah ramai bilangan-nya berikutan dengan chadangan hendak menubuhkan beberapa buah club rugby lagi di-sini.

Orang2 yang chenderong pada permainan itu ada-lah di-jemput berhubung dengan Tuan A.C. Patterson Hyde, setiausaha SRC untuk mendaftarkan nama.

Club2 rugby yang tertentu di-daerah ini ia-lah dari Panaga Club dan sekolah pertukangan. Ahli2 club dan penuntut2 sekolah tersebut tidak di-kehendaki mendaftarkan nama mereka lagi.

Permainan rugby di-daerah Belait/Seria bagi tahun 1959/60 akan di-mulakan pada 29 August.

Dalam perlawanan permulaan itu pasokan Penaga Club akan bertemu dengan pasokan sekolah pertukangan.

Sa-takat ini persatuan2 yang berchadang hendak menasoki perlawanan rugby ia-lah; Polis KBRC dan suatu pasokan champion.

Piala Perak yang di-hadiahkan oleh Duli Pengiran Pemanha untuk pemandu kereta saloon yang deras sa-kali di-menangi oleh A. Fuller yang memandu kereta kepunyaan Dr. Griffiths jenis Jaguar, dalam masa 1 minit 45.8 saat.

Piala Perak yang di-hadiahkan oleh Yang Berhormat British Resident Brunei untuk pemandu perempuan yang deras sa-kali telah di-menangi oleh Puan Helen Davidson yang memandu kereta sports-nya jenis M.G.A. dalam masa 1 minit 51.3 saat.

Hadiah2 kepada semua pemandu yang berjaya dalam perlumbaan itu telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra di-bangunan lapangan terbang Brunei pada petang hari tersebut.

KUNJONGAN JURULATEH AMERIKAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pakar gerakan badan dan jurulateh basiketball mungkin datang ka-Brunei dari Amerika Sharikat kerana memberi latihan kepada murid2 sekolah2 Brunei.

Beliau ia-lah Tuan Stuart Inman dari San Jose State College, California.

Kedatangan Tuan Inman itu di-anjorkan oleh Kerajaan Amerika Sharikat.

Beliau di-jangka sampai di-kawasan Borneo British dalam bulan hadapan dan akan memberi latihan selama beberapa hari di-sekolah2 Inggeris Brunei.

Temasha sukan

SERIA. — Anthony Abell College, Seria akan mengadakan temasha sukan ulang tahun kolej itu pada hari Sabtu 22 August ini, dalam mana akan di-adakan berbagai2 jenis perlumbaan dan sa-bagai-nya yang menarek hati.

3 ahli sukan Brunei berlepas ka-Malaya masok pertandingan

SERIA. — Tiga orang ahli sukan Brunei telah di-pilih untuk mewakili negeri ini dalam pertandingan sukan seluruh Malaya yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur pada 21 dan 22 August.

Mereka itu ia-lah A. Sibidol, Zunaidi Hamdan dan Innei Sibidol, anak perempuan A. Sibidol.

A. Sibidol akan mengambil bahagian dalam pertandingan lempar peluru, lempar lembing dan lempar piring besi. Innei akan mengambil bahagian dalam pertandingan lempar peluru, lempar lembing dan lempar piring besi bahagian perempuan.

Zunaidi yang maseh belajar di-sekolah pertukangan BSP itu akan mengambil bahagian dalam

TEMASHA SUKAN SEKOLAH2 INGERIS

BANDAR BRUNEI. — Sultan Omar Ali Saifuddin College dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri telah mengadakan temasha sukan bersama di-Padang S.O.A.S. College pada pagi hari Sabtu 8 August, 1959 dengan beroleh kejayaan yang besar.

Rumah Kerma Indera, johan pada tahun yang lalu telah sekali lagi menjadi johan dalam pertandingan sukan S.O.A.S. College pada tahun ini, manakala Rumah Bendahara menjadi naib johan, di-turut oleh Rumah Maharaja Leila dan Rumah Pemanha.

Abu Hanifah dari Rumah Maharaja Leila dan Lim Beng Thai dari Rumah Bendahara telah bersama2 menyandang gelaran johan sa-saorang.

Di-antara penuntut2 Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri pula, Rumah Kuning telah menjadi johan, di-turut oleh Rumah2 Hijau, Biru dan Merah.

Sa-sudah di-langsungkan pertandingan sukan tersebut, penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengadakan satu pertunjukan riadzah ("gymnastic") di-bawah pimpinan Tuan David Gurusamy, sa-orang guru kolej itu.

Hadiah2 berupa sijil2 kepada para penuntut S.O.A.S. College yang berjaya dalam temasha sukan tersebut telah di-sampaikan oleh Pengetua S.O.A.S. College, Tuan L.A. Bradshaw di-Dewan kolej itu pada tengah hari tersebut.

Sa-lain dari itu, Tuan L.A. Bradshaw juga telah menyampaikan Sijil2 Senior Cambridge, Royal Society of Arts dan Sarawak Junior kepada penuntut2 S.O.A.S. College yang berjaya dalam peperiksaan masing2 tidak berapa lama dahulu.

beberapa perlawanan lumba lari.

Sibidol ia-lah pemegang rekod lempar peluru Malaya sa-jauh 45 kaki 2 inchi. Ia di-jangka memenangi lagi pertandingan ini.

Innei ia-lah pemegang rekod lempar piring besi sukan seluruh kawasan2 British Borneo. Baharu2 ini di-Kuching ia telah melampirkan piring itu sa-jauh 92 kaki 7 inchi.

Karut mengatakan Islam di-bawa dari China

**PENGETUA KOLEJ ISLAM KLANG
ULAS PENDAPAT MAHAGURU**

KUALA LUMPUR. — Dr. Mohamed Abdul Rauf, Pengetua Kolej Islam di-Klang Malaya telah menegaskan baharu2 ini bahawa ugama Islam telah di-bawa ka-Malaya dari Negeri Arab tidak dari Negeri China.

Dr. Rauf berkata demikian sa-bagai mengulas pendapat Mahaguru S.Q. Fatimi dari Universiti Malaya tentang kemungkinan ugama Islam di-bawa ka-Malaya dari negeri China.

Bagaimana pun Dr. Rauf ber-setuju bahawa negeri China mungkin telah merupakan salah sebuah negeri yang menyebarkan pengaruh ugama Islam sa-telah ugama itu di-bawa ka-Malaya dari Negeri Arab.

"Tetapi untuk mengatakan bahawa ugama Islam di-bawa ka-Malaya dari negeri China ia-lah suatu pendapat yang belum di-jumpai dalam penyiasatan dan belum lagi di-buktikan.

"Kita telah berjumpa dengan puisi2 Arab yang di-tulis dalam abad ke-18 di-Kedah.

"Batu bersurat di-Trengganu yang di-sebut oleh Mahaguru Fatimi itu di-tulis beberapa zaman sa-lepas itu," kata Dr. Rauf lagi.

Di-Trengganu juga telah di-jumpai batu2 nisan 600 tahun dahulu dan pechahan2 batu tembukar China zaman kuno.

1,000 orang jadi korban banjir di-Formosa

TAIPEH, (Formosa)—Lebeh 1,000 orang telah mati atau hilang di-Formosa, akibat banjir yang sa-besar2-nya berlaku di-negeri ini dalam tahun ini kata pehak yang berkuasa di-sini.

Jumlah itu mungkin meningkat.

Berita2 yang terakhir berkata bahawa 498 orang telah di-keh-tahui mati, 541 orang hilang dan 563 chedera.

Hujan telah turun tidak berhenti2 beberapa hari dan perhubbongan talipon dengan lain2 kawasan negeri telah tergendala.

Pehak yang berkuasa perchaya bahawa ramai lagi yang mati tertanam di-bawah lumpur dan sampah sarap yang di-bawa oleh arus ayer.

Kursus Woodbadge

JESSELTON. — Tiga puluh lima orang pengakap dari Sarawak, Brunei dan Borneo Utara telah menghadhiri kursus Woodbadge di-perkhemahan Kuala Petagas pada awal bulan ini.

Kursus itu di-uruskan oleh Tuan G. W. Stevens, sa-orang Pesuruh Jaya Pengakap dan telah di-tamatkan pada 8 August.

Indonesia bukan-nya tempat diktator

JAKARTA. — President Sockarno berkata baharu2 ini bahawa di-Indonesia ti-

President itu telah menyampaikan satu perutusan kapada Kongress Penuntut2 Indonesia yang bersidang di-Paris.

Penuntut2 itu belajar di-university2 di-seluruh Eropah.

ada ada tempat sa-orang diktator, demikian di-beritakan oleh sharikat berita Antara.

Dalam perutusan itu President Sockarno berkata : "Jika tuan2 berpegang pada dasar revolusi bulan August tahun 1945 tuan2 tidak akan salah dalam sangkaan tuan berkenaan kejadian2 di-tanah ayer."

Sa-lanjut-nya President Sockarno berkata diktator tidak ada tempat dalam rancangan demokrasi berpandu-nya saperti yang di-katakan oleh akhbar2 penjajah.

Dasar sistem demokrasi berpandu itu ada-lah di-tegaskan oleh kebijaksanaan dalam perundingan2.

PECHAH BELAH MUNGKIN JADI AKIBAT DASAR PERKAUMAN

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Dato Abdul Razak bin Hussin telah mengingatkan ra'ayat tentang bahaya yang mungkin timbul jika mereka memilih parti2 politik yang berdasarkan perkauman.

Beliau telah berucap dalam satu rapat umum yang di-adakan di-Perak, dan telah membidas Parti Islam sa-Malaya dan Party Progressive Ra'ayat.

Beliau mengingatkan : Kalau PAS berkuasa negeri ini akan berpechah belah dan dalam kekacauan yang akan berlaku itu ra'ayat akan menderita.

Tentang dharurat Dato Razak berkata bahawa dengan akhir-

FILIPINA TERGANGGU OLEH PEMBUNOHAN POLITIK

MANILA. — Tentera Kerajaan Filipina telah melancarkan gerakan untuk menchari 80 orang laki2 kerana hendak memberhentikan pembunohan2 politik yang menjadi2 di-wilayah Ilocos Sur, kira2 400 batu ka-sabelah utara Manila.

Kira2 1,000 orang polis dan tentera telah menduduki kesemua sa-kali 34 wilayah Ilocos Sur itu.

Mereka akan bertindak untuk memberhentikan perang politik yang dalam beberapa minggu yang lepas telah menyebabkan kematian empat orang sa-kurang2nya.

Permusohan antara pehak2 tertentu sa-makin hebat dalam beberapa minggu lepas sedang seluruh negeri membuat persiapan kerana kempen pilehan raya bagi Dewan Senate pada bulan November akan datang.

Berita2 akhbar dari Ilocos Sur menyatakan bahawa pehak tentera akan memeriksa dari rumah ka-rumah untuk menchari senjata2 api.

Mereka akan merampas senjata2 api yang di-bawa oleh orang di-jalan2 raya dengan tidak mendapat kebenaran.

RA'AYAT BERLUMBA BELAJAR MELAYU

SINGAPURA. — Ra'ayat Singapura telah berlumba memasuki class2 bahasa Melayu yang di-anjarkan oleh Kerajaan apabila pendaftaran di-mulakan baharu2 ini.

Sa-ramai hampir 2,000 orang laki2 dan perempuan telah mendaftarkan nama hendak belajar bahasa Melayu.

Kerajaan telah memutuskan hendak menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan.

Dalam pada itu satu seminar untuk menchari jalan bagi memperchapatkan kegunaan bahasa Melayu akan di-adakan dalam minggu ini.

Seminar itu akan di-buka oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura, Dr. Toh Chin Chye.

KAPAL JERMAN TERKANDAS DI-LAUT SARAWAK

MIRI. — Sa-buah kapal dagangan Jerman, Erik Blumentfeld, berat 16,000 tan telah terkandas di-batu karang Connel Reef, 92 batu dari sini baharu2 ini.

Kapal itu membawa 10 orang penumpang dan 15,000 tan barang2 muatan dan sedang dalam pelayaran ka-Miri dari Vietnam kerana hendak mendapatkan bekalan.

Kechederaan tidak berlaku tetapi kapal itu maseh terkandas lagi.

Kapal2 lighter dari Labuan dan pelabohan yang berhampiran telah di-hantarkan ka-batu karang itu untuk memberi bantuan dan memungkah 4,000 tan arang batu dari kapal yang malang itu.

Kapal itu di-jangka akan dapat belayar sa-mula apabila berat muatan-nya di-kurangkan.

Dalam pada itu beberapa buah lighter2 lagi telah di-minta datang supaya kerja memungkah arang batu itu dapat di-selesaikan dengan segera.

KERAJAAN DI-SHORKAN BARNIAGA

(Dari muka 4)

rusahaan2 mengikut keadaan yang di-izinkan oleh negeri.

Kerajaan di-sukai oleh orang2 Melayu menjadi majikan mereka ia-itu berlainan dengan pemodal2 yang sentiasa memikirkan perbelanjaan.

"Dalam memasoki lapangan2 perniagaan itu kerajaan bukan-nya hendak mendapatkan keuntungan yang berlebehan, tetapi ia-lah sa-bagai memberi lathen dan mengadakan pusat2 lathen kepada orang2 Melayu tempatan yang tidak mempunyai kemahiran, kata penyata tersebut.

Lapangan perusahaan yang di-bayangkan oleh jawatan kuasa itu ia-lah sa-lain dari perusahaan getah, perusahaan kayu.

"Pertimbangan kerana menggalakkan perusahaan kayu dan kilang2papan hendaklah di-beri saperti yang di-chadangkan bagi perusahaan getah," kata penyata jawatan kuasa khas itu.